

Hubungan dagang dengan Asean diperkukuhkan

KUALA LUMPUR, Ahad — Papua New Guinea malam tadi berikrar akan mengukuhkan lagi hubungan perdagangannya dengan Asean dan memuji usaha perkumpulan itu untuk menyelesaikan isu

Kampuchea.

Perdana Menteri New Guinea, Encik Micheal T. Somare menegaskan negaranya memandang berat kerumitan yang berterusan di Kampuchea serta ancamannya terhadap kestabilan di Asia Tenggara.

Berucap di majlis makan malam yang diberikan kepada beliau oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini beliau berkata, negaranya juga menyokong segala usaha Asean untuk menyelesaikan masalah Kampuchea.

Katanya, di samping mengeratkan lagi hubungan dalam bidang pertanian dan perdagangan, Papua New Guinea juga berharap akan dapat meningkatkan hubungan politik dengan negara-negara anggota Asean.

Masalah Kampuchea bukan satu contoh mudah melanggar undang-undang antarabangsa dan kedaulatan sesuatu negara tetapi satu contoh bagaimana sebuah kuasa besar cuba meluaskan pengaruhnya, tambah beliau.

Papua New Guinea, kata beliau, menyokong kuat hak negara-negara kecil dan percaya mereka perlu bebas dari ke-

bimbangan ditakluk.

Perdana Menteri itu juga menyentuh ancaman dari ujian nuklear yang dibuat oleh Perancis di Kawasan Pasifik.

Katanya, masyarakat Pasifik tidak mahu kawasan mereka dijadikan kawasan ujian senjata nuklear Perancis.

Beliau juga berkata perbuatan itu adalah sikap peranjaj yang sering menggunakan jajahan takluk mereka untuk kegiatan berbahaya.

Encik Somare juga berharap akan dapat menubuhkan pejabat perwakilan di sini bagi meningkatkan lagi hubungan yang sedia ada antara kedua-dua negara.

Dalam hubungan itu beliau berkata pesuruhjaya tinggi pertama negara itu ke Malaysia akan dilantik awal tahun depan.

Beliau juga berkata, Papua New Guinea memang mahu mengurangkan penggantungan kepada negara-negara maju untuk mendapatkan bantuan dan nasihat bagi memajukan negaranya.

Katanya, pengalaman Malaysia dalam pelaburan dan pembaharuan teknologi adalah baik jika dapat disesuaikan di negaranya. — Bernama

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia